

Rumah musnah dalam kebakaran

Oleh: Ayunni Rosli, 1180187

POKOK SENA: Sebuah rumah yang dijadikan sebagai pondok pengajian Islam musnah dalam satu kebakaran di Kampung Kepala Bukit, Tualang, Pokok Sena, semalam.

Kebakaran itu melibatkan empat buah rumah. Kesemua rumah tersebut yang dibina daripada kayu merupakan tiga rumah dua tingkat dan sebuah lagi rumah setingkat.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pokok Sena, Azrul Musa berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 3.37 petang dan tiba di tempat kejadian kira-kira 30 minit kemudian.



Rumah yang dijadikan pondok pengajian musnah dalam kebakaran di Kampung Kepala Bukit, Tualang.

“Ketika kami tiba di lokasi kejadian, api sudah mula merebak membakar kesemua rumah tersebut namun tiada mangsa yang tercedera kerana semua mangsa sempat berlari keluar dari rumah berkenaan.

Menurutnya, kerja pemadaman api melibatkan 18 anggota dari BBP Pokok Sena dan BBP Alor Setar selain bantuan daripada Pihak Bomba Sukarela yang melibatkan hampir 20 anggota.”

“Anggaran kerugian keseluruhan untuk empat buah rumah tersebut lebih kurang RM160,000,” kata Azrul Musa.

Sementara itu, mangsa kebakaran, Ramlah Abdullah, 64, ketika kejadian itu berlaku, dia bersama anaknya berada di Kuala Nerang kerana mempunyai urusan di sana. Semasa tiba di rumah, dia melihat hampir keseluruhan rumahnya musnah dijilat api dan tiada apa yang dapat diselamatkan.



Kediaman Ramlah yang musnah dalam kebakaran di Kampung Kepala Bukit, Tualang.

“Katanya, mungkin rumah kosong yang dijadikan stor itu mengalami lintar pintas disebabkan kilat yang menyebabkan kebakaran berlaku.”

“Kami kini tinggal sehelai sepinggang,” kata Ramlah Abdullah.